

## **BAB 3**

### **LATAR BELAKANG JABATAN KERJA RAYA (JKR)**

#### **3.1. PENGENALAN.**

Bab ini menerangkan tentang latar belakang JKR khususnya dari segi penerangan ringkas mengenai organisasi serta fungsi-fungsi Cawangan-cawangan di Ibu Pejabat JKR. Ianya bertujuan untuk memberi gambaran tentang jenis perkhidmatan yang diberikan oleh JKR dan sekaligus dapat difahami bidang kerja yang diceburi oleh Pegawai-pegawai Profesional Ibu Pejabat JKR.

#### **3.2. LATAR BELAKANG JKR.**

Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab bagi membantu Kementerian Kerja Raya dalam merumus, merancang serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam khususnya jalan, bekalan air, bangunan-bangunan, lapangan-lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan pengkalan-pengkalan untuk memenuhi keperluan-keperluan pembangunan sosial dan ekonomi negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru di samping menyelenggara, memperbaiki mutu dan meninggikan taraf infrastruktur dan kemudahan awam yang sedia ada.

**Peringkat pelaksanaan tugas dan tanggungjawab tersebut dibuat melalui empat(4) peringkat iaitu JKR Persekutuan dan Negeri, JKR Sabah, JKR Sarawak dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sila lihat carta organisasi di Lampiran C bagi mendapatkan kedudukan organisasi JKR secara keseluruhan.**

**JKR Persekutuan bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan Projek-projek Persekutuan di Semenanjung. Walau bagaimanapun, oleh kerana Projek-projek Persekutuan adalah terletak di negeri-negeri, maka pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Persekutuan adalah kebanyakannya di bawah pentadbiran JKR Negeri kecuali projek-projek besar di mana Ibu Pejabat JKR menubuhkan Unit-unit JKR Persekutuan di negeri-negeri. Dengan ini, JKR-JKR Negeri adalah bertanggungjawab kepada Projek-projek Pembangunan Negeri serta Projek-projek Pembangunan Persekutuan.**

**JKR Negeri Sabah dan Sarawak pula bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri bagi Projek Pembangunan Negeri dan bertanggungjawab kepada Kementerian Kerja Raya bagi Projek-projek Persekutuan.**

### **3.2.1. Fungsi-fungsi Dan Organisasi J.K.R.**

**Secara keseluruhannya, fungsi-fungsi yang dijalankan oleh JKR dapat dirumuskan seperti berikut :-**

- (i) Merancang, merekabentuk, membina dan menjalankan kerja-kerja menyelenggara jalan-jalan raya, bekalan-bekalan air, bangunan-bangunan Kerajaan, Lapangan Terbang dan Pelabuhan (yang tiada mempunyai Lembaga Pelabuhannya sendiri).
- (ii) Memberi nasihat teknikal kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

### **3.2.2. Organisasi.**

Dari segi organisasi pula, organisasi JKR boleh dipecahkan kepada tiga(3) peringkat iaitu :-

- (i) Ibu Pejabat JKR iaitu Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya dan Pejabat-pejabat Pengarah Cawangan.
- (ii) Pejabat-pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri dan Pejabat-pejabat Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri.
- (iii) Pejabat-pejabat Jurutera Daerah, Pejabat-pejabat Jurutera Daerah Jabatan Bekalan Air, Jurutera Unit Teknikal Lembaga Kemajuan Wilayah dan Jurutera Pengguna Unit Khas Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Jabatan Kerja Raya adalah diketuai oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dengan dibantu oleh dua(2) orang Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Ketua Pengarah Kerja Raya bertanggungjawab terhadap

**Pengarah-pengarah JKR Negeri, Unit Projek Turnkey, Cawangan Perancangan, Cawangan Mekanikal, Cawangan Elektrik, Cawangan Ukur Bahan, Cawangan Stor, Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri, dan Institut Penyelidikan dan Latihan.**

**Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I** adalah bertanggungjawab terhadap **Cawangan Jalan, Cawangan Struktur dan Kejuruteraan Pakar, Cawangan Bekalan Air, Unit-unit Khas, Unit Teknikal JKR KETENGAH, Unit Teknikal JKR KESEDAR, Unit Teknikal JKR KEJORA, Unit Teknikal JKR DARA, Unit Teknikal JKR PERDA, Unit Teknikal JKR KEDA, JKR Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) Negeri Sembilan dan JKR Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) Pahang.** Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II pula bertanggungjawab terhadap **Cawangan Kerja Bangunan, Cawangan Kerja Dalam Negeri, Cawangan Kerja Tentera, Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan, Cawangan Kerja Pendidikan dan Cawangan JKR Wilayah Persekutuan.**

### **3.2.3. Cawangan-cawangan Di Ibu Pejabat JKR.**

#### **3.2.3.1. Cawangan Perancangan.**

**Cawangan ini adalah terletak di bawah kawalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Tugas-tugas Cawangan ini meliputi perkhidmatan, urusetia, latihan, pendaftaran dan naziran. Perkhidmatan Urusetia meliputi; Pengawasan dan Khidmat Sokongan kepada semua Cawangan, JKR Negeri**

**dan Unit Khas; Menyelaras pengesahan projek-projek pembangunan dengan Pusat Komputer Jabatan Perdana Menteri; Menjadi Urusetia kepada mesyuarat-mesyuarat Pengarah dan persidangan-persidangan Pegawai Kanan dan Mengeluarkan arahan-arahan pertukaran Pegawai-pegawai Profesional di semua Cawangan JKR Negeri, Unit Khas serta Kementerian dan Jabatan-jabatan lain yang mempunyai jawatan-jawatan berkelompok JKR.**

**Pelaksanaan fungsi latihan pula termasuk latihan dalam perkhidmatan bagi kakitangan profesional dan teknikal JKR dan juga latihan amali bagi penuntut Universiti dan Politeknik. Di samping itu Cawangan ini juga menguruskan peperiksaan-peperiksaan Jabatan bagi semua kakitangan teknikal JKR dan Jabatan-jabatan lain yang tidak menjalankan sendiri peperiksaan-peperiksaan Jabatan. Aktiviti latihan ini sebahagian besarnya dibuat melalui Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM).**

**Aktiviti pendaftaran yang dijalankan ialah mendaftar Jurutera-jurutera, Arkitek-arkitek dan Juru Ukur-Juru Ukur Perunding dan mengemukakan Jabatan Perdana Menteri. Aktiviti naziran pula meliputi kerja-kerja naziran bagi menyiasat aduan-aduan dan masalah-masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan.**

### **3.2.3.2. Cawangan Jalan.**

Cawangan ini bertanggungjawab kepada pelaksanaan program jalan dan jambatan. Di samping itu, Cawangan ini juga membina jalan untuk agensi-agensi lain seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, FELDA, KEJORA, DARA dan sebagainya. Fungsi-fungsi utama Cawangan Jalan ialah merancang, merekabentuk dan membina jalan-jalan baru yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan termasuk yang dibiayai oleh pinjaman asing; jalan-jalan di Rancangan FELDA; jalan masuk ke Bangunan Persekutuan; memproses dan menentukan peruntukan wang Persekutuan ke negeri-negeri dan Kerajaan Tempatan untuk pemeliharaan jalan; dan merumuskan kepiawaian jalan dan memberi nasihat kepada Pengarah JKR Negeri di dalam perkara Jalan-jalan Negeri.

### **3.2.3.3. Bahagian Perancang Jalan.**

Bahagian ini telah diletakkan di bawah Kementerian Kerja Raya mulai tahun 1986. Bahagian Perancang Jalan berfungsi untuk merumus, merancang dan menyusun atur pelan dan program sistem rangkaian jalan raya Persekutuan yang efektif, ekonomi dan selamat setimpal dengan kehendak sektor pengangkutan jalan raya bagi menggalakkan pembangunan sosio ekonomi negara. Di samping itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam

**membantu Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain dalam hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti perancangan jalan.** Unit-unit di bawah Bahagian ini yang mencerminkan fungsi-fungsinya adalah seperti **Unit Kejuruteraan Trafik, Unit Pembangunan Gunatanah/Jalan, Unit Perancangan Sektor Jalan, Unit Perancangan Projek dan Unit Analisa Kemalangan Jalan Raya.**

#### **3.2.3.4. Cawangan Bekalan Air.**

**Objektif Cawangan Bekalan Air** adalah untuk memastikan pelaksanaan dan penyelarasan Projek Bekalan Air di seluruh negara menghasilkan air yang mencukupi, bersih dan selamat. Secara amnya fungsi-fungsi utama Cawangan Bekalan Air adalah seperti di bawah :-

- (i) Menjalankan penyelidikan sumber air dan kajian kemungkinan untuk skim-skim bekalan air.**
- (ii) Mengawas mutu air di sistem bekalan air.**
- (iii) Menjalankan kajian air yang tidak dikira di sistem pengagihan air.**
- (iv) Mengawas keselamatan empangan.**

- (v) Merekabentuk skim bekalan air dan sistem pengagihan air.
- (vi) Menyelaras program latihan untuk kakitangan bekalan air.
- (vii) Menyelaras pelaksanaan projek-projek bekalan air.
- (viii) Memberi nasihat sebagai Agensi Perunding mengenai bahan-bahan untuk bekalan air.
- (ix) Memberi bantuan teknikal dalam pembangunan sumber air dan skim-skim bekalan air.

### **3.2.3.5. Cawangan Struktur dan Kejuruteraan Pakar.**

Cawangan ini bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja perancangan, rekabentuk awalan dan terperinci dan anggaran kos projek lapangan terbang, pelabuhan, kompleks perikanan dan terminal feri. Di samping itu Cawangan ini juga menjalankan penyiasatan di atas kegagalan bangunan dan kerja-kerja ukur tanah. Unit-unit dalam Cawangan ini meliputi Unit Pelabuhan dan pengkalan, Unit Lapangan Terbang, Unit Binaan, Unit Ukur Tanah, Unit Ukur Bahan dan Unit Pentadbiran.

**3.2.3.6. Cawangan Bangunan.**

**Cawangan Bangunan** adalah bertanggungjawab terhadap perancangan, merekabentuk, penyelarasan dan pelaksanaan bagi semua Bangunan-bangunan Kerajaan di Semenanjung Malaysia kecuali bangunan-bangunan bagi Cawangan Kerja Tentera, Cawangan Kerja Pendidikan, Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan dan Cawangan Kerja Dalam Negeri.

**3.2.3.7. Cawangan Perubatan dan Kesihatan.**

**Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan** bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek-projek Kementerian Kesihatan dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Objektif Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan ialah untuk melaksanakan projek-projek bangunan termasuk kemudahan-kemudahan yang berkaitan bagi Kementerian Kesihatan dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

**Secara umumnya, Cawangan ini merekabentuk dan melaksanakan projek-projek pembangunan Kementerian Kesihatan di seluruh Semenanjung Malaysia yang dibiayai oleh Kementerian Kesihatan. Cawangan ini juga terlibat memberi perkhidmatan sebagai Agensi Pelaksana dalam projek Kesihatan Desa dan dibiayai oleh Bank**

**Pembangunan Asia (ADB) untuk Kementerian Kesihatan dan projek kependudukan yang dibiayai oleh Bank Dunia untuk Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.**

### **3.2.3.8. Cawangan Kerja Pendidikan.**

**Cawangan Kerja Pendidikan mengendalikan projek-projek pembangunan Kementerian Pendidikan. Ini meliputi Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Teknik dan Vokasional, Pendidikan Teknik Tinggi, Maktab Latihan Guru, Rumah Guru Luar Bandar, Asrama, Pejabat Pendidikan, Institut Latihan Pegawai-pegawai dan kakitangan Pendidikan, Pusat Sumber Pelajaran, Kompleks Perkhidmatan Sebaran Pendidikan dan Kompleks Sukan Pendidikan. Cawangan ini cuma berfungsi di dalam Semenanjung Malaysia sahaja dan juga tidak meliputi mana-mana Kompleks Universiti yang sedia ada.**

**Objektif utama Cawangan ini ialah untuk memastikan segala perancangan, rekabentuk, penyelarasaran dan pelaksanaan semua Projek-projek Kementerian Pendidikan di Semenanjung yang telah dipertanggungjawab kepada Cawangan ini dijalankan dengan secara berkesan dan dapat mencapai matlamat-matlamat pembangunan**

**Kementerian Pendidikan.** Ini termasuklah untuk memastikan semua kerja-kerja penyelenggaraan ke atas kemudahan-kemudahan Kementerian Pendidikan.

**3.2.3.9. Cawangan Kerja Dalam Negeri.**

Cawangan ini berfungsi untuk merangka, merekabentuk dan melaksanakan pembinaan semua bangunan-bangunan sama ada Pejabat atau kediaman serta kemudahan-kemudahan lain yang dikehendaki oleh Kementerian Dalam Negeri. Ini meliputi Jabatan-jabatan Polis DiRaja Malaysia, Imigresen, Penjara, Pendaftaran Negara, Pendaftaran Pertubuhan, Hal Ehwal Orang Asli, Percetakan Negara, Pertahanan Awam dan Bahagian Rawatan dan pemulihan dadah. Pengawasan kerja pembinaan adalah dilaksanakan oleh JKR Negeri dengan menggunakan kakitangan yang berada di Negeri itu melainkan projek-projek besar walaupun dilaksanakan oleh JKR Negeri tetapi kakitangan yang mengawasinya adalah dari Cawangan ini.

**3.2.3.10. Cawangan Kerja Tentera.**

Secara umumnya Cawangan-cawangan Kerja Tentera dipertanggungjawabkan untuk :-

- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan atas semua pembinaan yang dibina oleh JKR di bawah ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Ini termasuk bangunan, jalan, sistem pembetungan, kolam renang, lapangan terbang, pengkalan, alat-alat dan sistem jentera serta elektrik.
- (ii) Perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan semua Projek Pembangunan Angkatan Tentera yang diberikan kepada JKR oleh pihak Kementerian Pertahanan.
- (iii) Memberi khidmat nasihat kepada Kementerian Pertahanan untuk merumuskan dasar pembangunan serta Belanjawan Tahunan; menasihatkan tentang penyesuaian tapakbina dan jenis bangunan yang didirikan serta perkembangan kepada Kompleks yang sedia ada.

#### **3.2.3.11. Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.**

**Objektif Cawangan ini ialah untuk memastikan dan mengemaskinikan segala peraturan-peraturan tawaran dan pentadbiran kontrak bagi projek-projek yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia supaya polisi-polisi Kerajaan dan peraturan-peraturan Pejabat serta**

**Perbendaharaan dipatuhi demi menjamin keutuhan dan kepentingan kewangan Kerajaan dan memastikan bahawa segala perbelanjaan ke atas sesuatu kontrak itu adalah adil dan memenuhi ciri-ciri "public accountability". Fungsi dan aktiviti-aktiviti Cawangan ini, kini bertambah untuk meliputi (i) Memberi khidmat nasihat kos dan mengadakan perancangan kos, (ii) Penyediaan Dokumen Tender dan (iii) Pengurusan Pos-Kontrak.**

**3.2.3.12. Cawangan Elektrik.**

**Fungsi-fungsi utama Cawangan Elektrik adalah termasuk :-**

- (i) Merekabentuk, memanggil tawaran dan penyeliaan kontrak untuk kerja-kerja elektrik berkaitan dengan projek dijalankan oleh Ibu Pejabat JKR dan juga Projek Pembangunan Negeri.**
- (ii) Khidmat-khidmat penyelenggaraan elektrik untuk Bangunan-bangunan Kerajaan.**
- (iii) Mengeluarkan peraturan-peraturan dan arahan-arahan berkenaan dengan kerja-kerja elektrik kepada kakitangan untuk menentukan perkhidmatan kerja elektrik yang selamat.**

- (iv) Mengawal dan meluluskan kegunaan bahan-bahan elektrik yang berkaitan dengan kerja Jabatan serta menguji pemasangan-pemasangan elektrik Kerajaan untuk menentukan pemasangan elektrik yang selamat mutu yang tinggi.
- (v) Mewakili Jabatan Kerja Raya di dalam nasihat Teknikal Kejuruteraan Elektrik Jabatan-jabatan Kerajan serta Badan-badan Berkanun yang berkenaan.

### **3.2.3.13. Cawangan Mekanikal.**

Secara umumnya aktiviti-aktiviti utama Cawangan ini ialah :-

- (i) Untuk mengadakan perkhidmatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk peralatan-peralatan jentera bagi menyokong program-program pembangunan dan penyelenggaraan Kementerian Kerja Raya.
- (ii) Untuk mengadakan perkhidmatan Perunding Pakar Mekanikal serta nasihat teknikal kepada pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.

- (iii) Untuk menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan ke atas alat-alat jentera Jabatan Kerja Raya kepunyaan Kerajaan Persekutuan dan juga pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan Woksyop.
- (iv) Untuk mengendalikan urusan kontrak dan penguatkuasaan syarat bagi kontrak-kontrak penyenggaraan kerja Pakar di Bangunan Gunasama Persekutuan.

Di bawah Cawangan ini juga terdapat Woksyop Persekutuan. JKR Woksyop Persekutuan yang terletak di Jalan Cheras adalah merupakan Woksyop Persekutuan yang terbesar di Kawasan Kuala Lumpur yang ditugas mengadakan perkhidmatan menyenggara ke atas alat-alat penghawa dingin, membaikulih, mengubahsuai, membina semula, membuat alat ganti, membentuk badan kereta, bahagian kenderaan, tangki minyak, papan tanda, membuat/memasang, menguji dan melulus, penyelenggara dan membaiki khidmat kereta Kerajaan, perkhidmatan perunding teknikal, Lembaga Pemeriksa, Latihan dalam Perkhidmatan dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga Woksyop di peringkat negeri dan daerah. Woksyop Negeri ini ditugaskan untuk memberi perkhidmatan, penyelenggaraan, baikpulih pemasangan dan operasi alat-alat kejuruteraan, kenderaan-kenderaan dan kelengkapan

termasuk kuari, feri, pam air, kelengkapan bina pasang bangunan, hospital, jentera-jentera yang rosak oleh pelanggaran, Badan Penyelidikan sebagaimana juga yang terdapat di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan di peringkat Negeri. Woksyop Daerah pula terdapat empat puluh(40) buah. Tugas Woksyop-woksyop Daerah itu adalah untuk memberi perkhidmatan penyelenggaraan dan membaiki kerosakan-kerosakan yang kecil.

#### **3.2.3.14. Cawangan Stor Persekutuan.**

Cawangan ini memberi khidmat bekalan barang-barang dan menyelaras Sistem Pengurusan Stor di semua Stor Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bekalan Air. Fungsi-fungsi utama Cawangan ini ialah :-

- (i) Sebagai sebuah Stor Pusat menguruskan perolehan, penyimpanan dan pembekalan barang-barang "standard" dan "Gunasama" bagi memenuhi keperluan Jabatan Kerja Raya dan lain-lain Jabatan Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.
- (ii) Memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan dan penyelenggaraan stor kepada stor-stor di peringkat Negeri, Daerah, Unit Khas dan Projek dengan cara mengadakan lawatan dan pemeriksaan.

- (iii) Membantu Ibu Pejabat JKR dalam menguruskan latihan dan peperiksaan bagi kakitangan stor di seluruh Semenanjung Malaysia.
- (iv) Membantu Perbendaharaan Malaysia dalam menyediakan dan mengesan (monitor) bekalan barang-barang kegunaan JKR yang kontraknya disediakan oleh pihak berkenaan.

#### **3.2.3.15. Unit Projek Turnkey.**

Unit ini pada asalnya ditubuhkan dengan tujuan menguruskan pelaksanaan projek-projek hospital dari peringkat awal hingga siap serta dan juga sebagai satu pasukan bagi mengkaji dan meneliti keupayaan kontraktor dalam menjalankan pembinaan Projek-projek Kerajaan secara Turnkey. Segala perancangan, rekabentuk dan pembinaan adalah semata-mata dipertanggungjawabkan kepada kontraktor. Unit ini telah dibentuk dengan organisasi yang minima untuk mengendalikan kerja-kerja membentuk Ketua Unit untuk berbincang dan berunding dengan pihak kontraktor. Selepas itu tanggungjawab Unit ini diperluaskan kepada pembinaan Kampus sementara Universiti Utara Malaysia, Kem Pasukan Polis Hutan di Kulim, Kampus Cawangan ITM di Segamat dan di Jengka Pembangunan di Pulau Layang-layang dan Projek Khas Bekalan Air Luar Bandar.

Secara umumnya fungsi-fungsi Unit ini adalah seperti berikut :-

- (i) Untuk menjamin pengurusan yang cekap dan licin di dalam pelaksanaan Projek Turnkey.
- (ii) Untuk merancang dan menyelaras semua aktiviti-aktiviti di dalam pelaksanaan Projek Turnkey dari peringkat awal hingga projek disiapkan.
- (iii) Untuk memberi panduan dan nasihat kepada Agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam pelaksanaan Projek-projek Turnkey supaya Dasar Kerajaan dilindungi.

### 3.3. **Rumusan.**

Berdasarkan objektif, fungsi serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Cawangan-cawangan di Ibu Pejabat JKR dapatlah dirumuskan bahawa Ibu Pejabat JKR memainkan beberapa peranan utama. Pertamanya ialah pelaksanaan projek-projek pembangunan negara khususnya pembangunan infrastruktur. Keduanya ialah dari segi penyenggaraan projek-projek yang telah siap seperti penyenggaraan jalan, bangunan-bangunan Kerajaan dan sebagainya. Satu lagi peranan penting yang dapat dirumuskan ialah dari segi khidmat sebagai Penasihat

**Teknikal kepada Badan-badan Kerajaan.** Dengan itu, dalam konteks pembangunan negara, peranan JKR adalah sangat penting dan tanggungjawab bagi memastikan kejayaan tersebut terletak pada Pegawai-pegawai Profesional JKR.